

15 OCT 2003

MAHATHIR-RINGGIT

TAK RUGI TERUSKAN TAMBATAN RINGGIT, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi bahawa Malaysia akan meneruskan tambatan ringgit kepada dolar Amerika kerana ia telah membolehkan perniagaan membuat perancangan masa depan.

"Anda tidak rugi apa-apa dengan menambat tetapi anda akan rugi apabila membenarkan apungan bebas," katanya dalam temu bual dengan Bernama semalam.

Temu bual 75 minit itu dibuat oleh Pengerusi Bernama Datuk Kalimullah Hassan, Ketua Pengarang Jaffar Hussin, dan Editor Eksekutif Datuk Azman Ujang dan Yong Soo Heong.

Malaysia mengenakan tambatan ringgit pada 1 Sept. 1998 ketika krisis kewangan serantau memuncak bagi menghalang manipulasi ringgit oleh penyangak spekulasi. Ringgit masih ditambat pada 3.80 bagi satu dolar Amerika walaupun dolar telah merosot di kebelakangan ini.

Dalam temu bual itu, Dr Mahathir memberi amaran bahawa jika ringgit dibenar terapung dengan bebas, orang yang sering membuat spekulasi dan manipulasi mungkin memporak-perandakan keadaan di pasaran.

Dengan kadar tukaran tetap, katanya, perniagaan boleh merancang untuk masa depan dan pada akhirnya, tidak akan rugi.

"Tetapi dengan kadar terapung, kita kena membuat perlindungan nilai, dan aktiviti perlindungan nilai ini memerlukan wang. Jadi, kenapa kita hendak menaikkan kos menjalankan perniagaan dengan mengapungkan mata wang?"

Perdana menteri menegaskan bahawa Malaysia akan mengekalkan kadar tukaran tetap itu sehingga langkah itu tidak lagi memberi manfaat kepada negara.

Mengenai kemajuan dalam penggunaan dinar emas sebagai mata wang penjelasan antara negara, beliau berkata Malaysia sedang berusaha supaya cadangan itu diterima secara meluas.

Beliau berkata tidak mudah untuk meyakinkan orang yang telah selesa dengan dolar Amerika.

Dr Mahathir berkata dinar emas bukan untuk penggunaan atau transaksi dalam negara tetapi untuk tujuan perdagangan dengan negara lain.

Beliau berkata dinar emas boleh menjadi alternatif yang baik kepada dolar Amerika, dan Malaysia sedang mengusahakannya dengan beberapa negara untuk menunjukkan bagaimana ia boleh dilakukan.

"Apabila kita tunjukkan bahawa ia boleh dilakukan, negara lain akan turut serta," katanya.

Dr Mahathir berkata dolar Amerika tidak mempunyai nilai hakiki dan "ia hanya sekeping kertas dengan nombor yang tertulis di atasnya."

Beliau berkata dolar boleh meningkat atau merosot dan hari ini, dolar Amerika berada 30 peratus lebih rendah daripada kira-kira setahun lepas.

"Jadi, wang kertas boleh berubah. Tetapi emas, ia mempunyai nilai di pasaran. Sekurang-kurangnya apa yang anda boleh lakukan ialah menjualnya di pasaran kepada orang lain yang boleh menggunakannya sebagai barang kemas atau apa sahaja.

"Tetapi anda tidak boleh menjual kepingan kertas untuk mendapatkan sesuatu. Pada asasnya, nilainya tidak lebih daripada nilai kertas tandas," katanya.

Dr Mahathir berkata hampir semua negara menggunakan dolar Amerika untuk tujuan perdagangan kerana ia digunakan sebagai mata wang rujukan piawai.

"Tetapi jika kita tukar dolar Amerika dan menggunakan emas, emas tidak akan bergerak naik turun dengan ketara, jadi kita akan mempunyai mata wang

yang lebih stabil," katanya.

Ditanya tentang hasil mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico, bulan lepas di mana negara membangun telah menghalang cadangan berat sebelah negara maju, Dr Mahathir berkata negara membangun tidak sepatutnya berhenti setakat itu.

Mereka seharusnya mengesyorkan agenda sendiri di Cancun agar agihan kekayaan menjadi lebih adil, katanya.

Beliau juga berkata keupayaan Malaysia untuk mendapatkan sokongan daripada negara membangun di Cancun boleh diandaikan sebagai satu kejayaan perkongsian pintar. -- BERNAMA

SHY MR JR